

Chef Amer kongsi ilmu buat coklat di UTHM

BATU PAHAT 20 Mei - Pelajar program Katering, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional' (FPTV) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini telah mengadakan Program Keunikan Rasa Coklat bersama Chef Amer, bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman dalam masakan berasas coklat.

Program tersebut dijayakan dengan kerjasama chef selebriti, Chef Amer Hamzah Ahmad yang bersetuju untuk berkongsi pengalaman dimilikinya, selain memberi tunjuk ajar kepada peserta program terlibat.

Dekan FPTV UTHM, Prof. Madya Dr. Razali Hassan berkata, program yang diusahakan sendiri oleh pelajar-pelajar itu adalah satu

usaha proaktif dan seharusnya diteruskan pada masa akan datang.

"Melalui aktiviti sedemikian, para pelajar bukan sahaja mendapat peluang belajar daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam industri berkaitan tetapi lebih daripada itu.

"Para pelajar ini juga dapat mempelajari kemahiran komunikasi dan pengurusan yang amat penting apabila mereka sudah melibatkan diri dalam alam pekerjaan nanti," katanya.

Program sehari tersebut bukan sahaja disertai oleh para pelajar, malah mendapat sambutan daripada peserta luar termasuklah dari Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan juga Singapura.

Matlamat utama program tersebut adalah untuk mempelajari asas penyediaan coklat dalam pelbagai bentuk mengikut kreativiti individu serta kaedah pembungkusan secara komersial.

Tambah Razali lagi, pengalaman dan ilmu yang dipelajari para pelajar tersebut amat berguna memandangkan mereka merupakan bakal tenaga pendidik yang akan mencurahkan ilmu kepada generasi muda seterusnya.

"Sikap kerjasama, komunikasi dan pengurusan yang ditunjukkan pelajar sepanjang berlangsungnya program ini amat dipuji dan pengetahuan tersebut pasti berguna buat mereka pada masa hadapan," ujarnya.



AMER Hamzah Ahmad (barisan tengah, empat dari kiri) bersama pensyarah dan pelajar dalam Program Keunikan Rasa Coklat di UTHM, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.